**on 25 October 2012**




Peserta larian amal memulakan larian di kampus Universiti Malaysia Sarawak di Kota Samarahan, Sarawak, baru-baru ini

KOTA SAMARAHAN 23 Okt. - Program larian amal di kampus Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini baru-baru ini berjaya mengutip sumbangan sebanyak RM7,400 untuk disalurkan kepada Persatuan Kebajikan Kanak-kanak Terencat Akal (Perkata).

Program tersebut dianjurkan Persatuan Pegawai Akademik Unimas (PPAU) dengan kerjasama Persatuan Sains Sumber dan Teknologi (Persaintek) disertai seramai 605 peserta terdiri daripada pelajar dan kakitangan universiti.

Menurut Presiden PPAU, Prof. Madya Dr. Ting Su Hie, sambutan yang diterima daripada warga Unimas adalah di luar jangkaan pihaknya.

"Kebanyakan sumbangan yang berjaya dikumpul datang daripada yuran penyertaan RM10 seorang bagi kakitangan serta RM5 bagi pelajar.

"Lebih membanggakan, warga Unimas yang tidak menyertai larian turut menghulurkan sumbangan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Su Hie berkata, di samping membantu mendapatkan dana untuk Perkata, program tersebut merupakan projek komuniti untuk menjadikan ahli PPAU yang terdiri daripada ahli akademik dan penyelidik lebih relevan serta dekat dengan pelajar dan masyarakat.

"Melihat sambutan menggalakkan yang kita terima, kami bercadang untuk menganjurkan program serupa melibatkan skala penyertaan lebih besar pada masa akan datang," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan kepada Perkata boleh berbuat demikian dengan menghubungi Su Hi di talian 019-8591808 atau menerusi emel kepada shting@cls.unimas.my.

Sumber: Utusan Online